

# Kastam rampas rokok seludup RM2 juta

Kejayaan terbesar awal tahun hasil pemeriksaan sebuah rumah di Sitiawan

Oleh Balqis Jazimah Zahari dan Erika George  
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) Perak mematahkan penyeludupan dua juta batang rokok putih dan keretek pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM2 juta dalam pemeriksaan di sebuah rumah, Sitiawan, dekat sini.

Pengarahnya, Dr Mohamad Saprin, berkata rampasan itu adalah kejayaan terbesar pihaknya pada tahun ini membabitkan cukai juga bernilai RM2 juta, hasil pemeriksaan pada 12 Februari lalu.

"Hasil maklumat orang awam dan tipitan penguat kuasa selama seminggu, pada jam 11.50 pagi, kami merampas kira-kira dua juta batang rokok dengan harga dan nilai cukai kira-kira RM2 juta dalam pemeriksaan sebuah rumah di Sitiawan Perak,

pada 12 Februari lalu.

"Rumah itu kosong ketika pemeriksaan dan kami memutuskan untuk membuat serbuan serta merampas rokok berkenaan. Siasatan masih dijalankan untuk mengenal pasti dalang di sebalik kes ini.

"Kami masih menyiasat adakah pemilik rumah berkenaan terbabit atau tidak dalam kes ini. Buat masa ini tiada tangkapan dibuat," katanya pada sidang media di Wisma Kastam Ipoh, di sini, semalam.

Sementara itu, Kastam Miri merampas sebanyak 123,504 batang rokok pelbagai jenama bernilai RM103,543 dalam serbuan di sebuah kantin ladang, Kuala Baram, kelmarin.

Pengarah Kastam Sarawak, Datuk Sharifah Halimah Tuanku Taha, berkata serbuan yang dijalankan Bahagian Penguatkuasaan Kastam Miri pada jam 11.10



**Dr Mohamad** pada sidang media rampasan rokok seludup, di Wisma Kastam Ipoh, semalam.

(Foto Balqis Jazimah Zahari /BH)

pagi menemui sejumlah rokok dengan anggaran nilai RM12,573 membabitkan nilai cukai sebanyak RM90,970, disembunyikan dalam stor dan rak kantin terbabit.

"Dalam serbuan itu, seorang lelaki tempatan dipercayai pemilik premis turut ditahan kerana menjual rokok terbabit kepada pekerja ladang," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sharifah Halimah berkata, hasil soal siasat terhadap pemilik premis mendapati modus operandi mereka hanya mengeluarkan stok jika diminta oleh pelanggan.

Kedua-dua kes rampasan rokok

**“Kami masih menyiasat adakah pemilik rumah berkenaan terbabit atau tidak dalam kes ini. Buat masa ini tiada tangkapan dibuat.”**

**Dr Mohamad Saprin,**  
Pengarah Jabatan Kastam  
Diraja Malaysia Perak

di Sitiawan dan Miri itu disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 kerana menyimpan barangan belum lulus cukai atau barang larangan.

Suspek boleh dikenakan denda tidak kurang 10 kali ganda nilai barangan atau RM100,000 yang mana lebih tinggi dan tidak lebih 20 kali ganda nilai barangan bagi kesalahan pertama atau RM500,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya yang mana lebih tinggi serta hukuman penjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.